



Headline: Dua kali jadi mangsa Macau Scam, rugi lebih Language: Malay  
RM461,000

Publication/Portal: Berita Harian

Section: Nasional

Date: 14 November 2019

Page: 60

## Dua kali jadi mangsa Macau Scam, rugi lebih RM461,000

**Seremban:** Seorang pesara doktor sekali lagi menjadi mangsa sindiket macau scam bulan lalu sehingga kerugian RM281,748 selepas pernah ditipu RM180,000 pada 2014.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Ab Ghani, berkata mangsa dihubungi seorang wanita yang mengaku ejen Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Ogos lalu dan mahu membantu mangsa untuk mendapatkan kembali wang yang pernah ditipu sindiket sebelum ini.

"Mangsa menerima e-mel dari Denmark memaklumkan akan dibantu untuk mendapatkan kembali wang rampasan miliknya. Mangsa dimaklumkan wang berkenaan kini berada dalam akaun sebuah bank di United Kingdom dan Denmark.

"Kemudian mangsa menerima e-mel daripada dua wanita mengaku daripada pihak bank di Denmark yang mahu membuat pengesahan sama ada wang berkenaan miliknya. Perkara ini membuatkan mangsa percaya dengan taktik sindiket," katanya

ketika dihubungi, di sini, semalam.

Bagaimanapun, mangsa diminta untuk membuat pembayaran kira-kira RM9,000 bagi mengaktifkan akaun berkenaan untuk proses pemindahan wang sebelum membuat pembayaran pada 27 September lalu.

"Namun, mangsa kemudian di-

minta untuk mendapatkan kod TPN bernilai RM13,000 sebelum memindahkan wang berkenaan pada 30 September. Namun, mangsa dimaklumkan perlu mendapatkan sijil pelepasan pengubahan wang haram dari Brazil dengan nilai RM60,000.

"Wanita itu memindahkan RM10,000 berkenaan pada 1 Oktober dan RM50,000 pada 2 Oktober. Bagaimanapun, wang berkenaan masih gagal dipindahkan ke akaunnya sebelum dimaklumkan ia sebenarnya sudah dipindahkan ke satu akaun di Sabah.

"Mangsa sekali lagi diminta menjelaskan RM150,000 untuk memindahkan wang itu dari Sabah ke akaunnya sebagai caj bank. Wanita itu membuat pembayaran pada 3 dan 4 Oktober.

"Sekali lagi sindiket meminta mangsa membayar RM80,000 untuk kos cukai. Namun mangsa enggan berbuat demikian dan mangsa mula menyedari dia ditipu," katanya.

Aibee berkata, mangsa kemudiannya membuat laporan semalam dan pihaknya membuka siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.



**Mangsa menerima e-mel dari Denmark memaklumkan akan dibantu untuk mendapatkan kembali wang rampasan miliknya. Mangsa dimaklumkan wang berkenaan kini berada dalam akaun sebuah bank di United Kingdom dan Denmark.**

**Aibee Ab Ghani,**  
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Negeri Sembilan

### Fakta Nombor

**RM180,000**  
ditipu

sindiket macau scam  
kali pertama pada 2014

**RM281,748**  
ditipu

sindiket macau scam  
kali kedua bulan lalu